

- 3.5.5 Bagi semua perkara 3.5.1 hingga 3.5.4, calon dibenarkan menduduki peperiksaan khas.

### 3.6 KELAKSIAN SEMASA PEPEKRIKSIAN

- 3.6.1 Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut :

- (a) dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
- (b) membawa kad pelajar dan kad pengenalan atau lain-lain yang disahkan. Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan / bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Unit Peperiksaan dan penilaian untuk menduduki peperiksaan kursus berkenaan sahaja;
- (c) dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;
- (d) calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut;
- (e) calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu

peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon yang lain; dan

- (i) dilarang meninggalkan dewan / bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat. Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah berada di bawah pengawasan.

- 3.6.2 Pelajar tidak boleh :

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa, dan diberikan kuasa oleh Rektor;
- (b) menulis atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di